

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 8 HINGGA 146 )**

**18 Mei 2016**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** YB TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]  
**TARIKH :** 18 MEI 2016  
**SOALAN :**

**YB Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jenis ubat-ubatan dikecualikan daripada bayaran cukai 6% GST dan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk mengecualikan perubatan tradisional daripada bayaran GST.

**Tuan Yang Di- Pertua,**

Sehingga 12 Januari 2016, sebanyak 8,871 produk telah diberi pembekalan berkadar sifar (*zero- rated supply*) mengikut perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) 2014. Daripada jumlah itu, 7,513 produk adalah merupakan ubat terkawal, 1,202 produk adalah ubat *over the counter* (OTC), 28 produk makanan tambahan kesihatan dan 128 produk merupakan produk yang dikategorikan sebagai peranti perubatan.

KKM sedang berusaha bersama stakeholders dan terus mengadakan engagement dengan Kementerian Kewangan untuk mendapatkan status *zero rated GST* untuk produk-produk tradisional. Engagement telah berjalan sejak awal 2014 dan masih di teruskan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI  
[ SETIAWANGSA - BN ]**

**TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)**

**SOALAN (NO. 9)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah persatuan belia yang ada di Malaysia setakat tahun 2015 dan apakah bentuk bantuan yang disalurkan oleh pihak Kementerian terhadap persatuan-persatuan belia ini.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bilangan persatuan belia yang aktif dan didaftarkan di bawah Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) sehingga tahun 2015 adalah sebanyak 8,305 buah pertubuhan belia.
2. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) juga menyediakan bantuan aktiviti yang bertujuan untuk membiayai sepenuhnya atau sebahagian daripada kos pelaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh Pertubuhan Belia atau Kelab Sukan. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan hendaklah selaras dengan Dasar Sukan Negara dan Dasar Belia Malaysia, memberi impak positif kepada kumpulan sasar, menggabungkan nilai-nilai integrasi dan perpaduan kaum serta menggalakkan penyertaan aktif masyarakat dalam aktiviti yang dianjurkan.

Sekain, terima kasih.

**Soalan No: 10**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [ AMPANG ]

**TARIKH :** 18.5.2016

**SOALAN :**

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah mekanisme Kementerian bagi menangani masalah keganasan dan pergaduhan dalam sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serius dalam usaha menangani isu disiplin murid bagi memastikan kes-kes salah laku murid termasuk seperti pergaduhan tidak berleluasa di semua sekolah. Sehubungan itu, KPM telah mengeluarkan Surat Siaran bertarikh 11 November 2011 kepada semua Pengarah Pendidikan Negeri, Pegawai Pendidikan Daerah, pengetua dan guru besar bagi mengingatkan mereka supaya mengambil tindakan tegas tanpa berkompromi terhadap perbuatan buli dalam kalangan murid sama ada di sekolah maupun di asrama.

Selain daripada itu, mereka juga perlu merujuk surat pekeliling ikhtisas dan surat siaran sedia ada termasuk **Garis Panduan “Menangani Buli Melalui Pembudayaan Amalan Penyayang Dalam Kalangan Murid”**

**Sekolah dan Asrama”.** Surat pekeliling ikhtisas dan surat siaran yang berkaitan adalah seperti berikut:

- i. **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. (8) Tahun 2010:** Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid di Sekolah.
- ii. **Surat Siaran KPM Bil. (16) Tahun 2009:** Ketegasan Menangani Tingkah Laku Ala Samseng Dalam Kalangan Murid.

KPM juga mengingatkan pihak pengurusan sekolah supaya membudayakan sikap kasih sayang secara berterusan di sekolah. Di samping itu, Amalan Guru Penyayang perlu dipraktikkan oleh warga pendidik dengan memberi penekanan kepada sifat kepedulian terhadap muridnya dengan mengamalkan nilai kasih sayang, bersikap mesra, mengambil berat, berbudi bahasa, saling menghormati, sentiasa ceria, prihatin dan sabar hendaklah diterapkan kepada semua murid sama ada di sekolah atau di asrama.

Di samping itu, pihak sekolah juga perlu memastikan setiap kejadian buli yang berlaku di sekolah dilaporkan kepada KPM dengan mematuhi SPI Bil. 7/2011 iaitu Pelaksanaan Standard Operating Prosedure (SOP) 1:3:7 Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Displin Murid Tahun 2011.

**Soalan No: 11**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP  
[ SEKIJANG ]

**TARIKH :** 18.5.2016

**SOALAN :**

Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan semasa projek 1Bestari di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia dan sejauh manakah kelajuan capaian internet melalui pemasangan pencawang telekomunikasi di sekolah-sekolah tersebut mampu membantu sistem pembelajaran di sekolah ke arah yang lebih baik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil kira semua ruang penambahbaikan yang dikenal pasti melalui pelaksanaan 1BestariNet Fasa 1 bagi tujuan menambah baik pelaksanaan 1BestariNet Fasa 2. Sehubungan itu, dalam pelaksanaan 1BestariNet Fasa 2 ini, KPM berusaha memastikan capaian perkhidmatan rangkaian di semua tempat khusus seperti Makmal Komputer dapat menyokong pembelajaran melalui semua peranti yang disediakan untuk menjamin pengalaman pembelajaran yang baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua sekolah di bawah projek 1BestariNet Fasa 1 dibekalkan dengan 4 hingga 10 Mbps melalui

teknologi 4G atau 2 hingga 4 Mbps melalui teknologi ADSL dan VSAT. Bagi tujuan tersebut, pemasangan pencawang telekomunikasi di sekolah-sekolah merupakan infrastruktur yang diperlukan untuk capaian internet berteknologi 4G dapat dibekalkan kepada sekolah.

RJM19

**SOALAN NO: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**  
**TARIKH : 18 MEI 2016**  
**SOALAN :**

**YB Dr Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa hasil kajian sains terbaru menunjukkan bahaya penggunaan minyak masak politaktepu (*polyunsaturated cooking oils*). Mengapakah pihak Kementerian masih mengesyorkan minyak politaktepu kepada pesakit.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Bukti saintifik menunjukkan bahawa untuk kekal sihat, manusia memerlukan ketiga-tiga jenis lemak iaitu lemak tepu, lemak mono tak tepu dan lemak poli tak tepu, dalam peratusan yang tertentu.

Merujuk kepada Garis Panduan *Medical Nutrition Therapy Guidelines for hyperlipidemia (2005)*, keperluan lemak harian yang disarankan adalah antara 25% hingga 30%. Daripada saranan ini, hanya 7% hingga 10% seharusnya dari lemak tepu, 12% hingga 15% dari lemak mono tak tepu dan 5% hingga 7% dari lemak poli tak tepu.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Berdasarkan kajian, lemak poli tak tepu dan mono tak tepu boleh mempengaruhi penurunan paras LDL-kolesterol dan meningkatkan paras HDL-kolesterol darah sekiranya diambil mengikut jumlah yang disarankan. Ini penting untuk kesihatan jantung.

Walau bagaimanapun, minyak masak poli tak tepu tidak disarankan untuk menggoreng (*deep frying*) makanan kerana komposisi kimianya dan *smoking point* yang rendah. Minyak ini akan terokside kepada asid lemak trans yang merbahaya apabila dipanaskan melebihi *smoking point* tersebut. Oleh itu, kaedah memasak secara *deep frying* tidak disarankan.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Di peringkat hospital, saranan penggunaan lemak poli tak tepu adalah untuk kaedah masakan menumis dan digunakan sebagai *dressing* makanan sahaja. Secara praktikalnya, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia menekankan tentang perlunya penggunaan jenis minyak yang sesuai serta kaedah masakan yang betul untuk mengawal paras kolesterol dan obesiti

**Soalan No: 13**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
[ SIBUTI ]

**TARIKH :** 18.5.2016

**SOALAN :**

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bersedia menempah lagi peruntukan pembinaan sekolah atau menaik taraf sekolah kayu melalui kaedah IBS di Sarawak untuk kawasan Parlimen Sibuti seperti pembinaan semula SK Kelapa Sawit No.2 dan SK Tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Semua sekolah tanpa mengira lokasi telah mendapat perhatian daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya sekolah-sekolah berstruktur kayu atau daif yang memerlukan kerja-kerja pengubahsuaian dan menaik taraf mahupun penggantian baharu. Antara kaedah yang digunakan bagi tujuan tersebut adalah kaedah *Industrialised Building System* (IBS).

Setakat ini, kaedah IBS telah digunakan dalam 40 projek di sekolah-sekolah negeri Sarawak. Walau Bagaimanapun, SK Kelapa Sawit No.2 dan SK Tinggi DI Parlimen Sibuti tidak tersenarai dalam 40 projek tersebut. Namun begitu, KPM akan meneliti keperluan kedua-dua sekolah tersebut dalam projek seterusnya.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI**

**KAWASAN : DUNGUN**

**TARIKH : 18 MEI 2016, RABU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status Jalan Utama Dungun - Kuala Terengganu dan mengapakah pembinaannya tergendala (tidak disiapkan) di tempat-tempat tertentu.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan laporan Pelan Induk Pembangunan Jalan Raya atau ‘Highway Network Development Plan’ (HNDP) untuk Semenanjung Malaysia (2008-2020), Jalan Persekutuan 3 (FT03) iaitu Jalan Pesisir Pantai Timur Semenanjung – termasuk laluan Dungun ke Kuala Terengganu – ialah merupakan antara jalan utama yang dicadangkan untuk dinaikkan taraf kepada laluan 2 lorong 2 hala (‘dual carriageway’) secara berperingkat-peringkat.

Walau bagaimanapun aliran trafik di jalan tersebut pada masa kini masih lagi mampu untuk menampung aliran trafik semasa. Di samping itu pengguna yang berhasrat untuk ke Kuala Terengganu boleh menggunakan laluan alternatif bertol, iaitu Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 2 (Terengganu) yang telah siap dibina pada tahun 2015; atau menggunakan laluan Jalan Persekutuan 14 (Jerangau – Jabor). Oleh itu, projek menaik taraf Jalan Persekutuan 3 akan dipertimbangkan Kerajaan secara berperingkat-peringkat mengikut senarai keutamaan.

Mengenai projek pembinaan jalan yang didakwa tergendala di laluan tersebut, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan kementerian ini dengan JKR Negeri Terengganu mendapati tiada sebarang projek pembinaan yang sedang dilaksanakan pada masa kini di Jalan Persekutuan FT03 Dungun – Kuala Terengganu. Walau bagaimanapun kementerian ini mengalu-alukan maklumat yang tepat mengenai lokasi laluan yang terlibat (jika ada) dari Ahli Yang Berhormat.

Sekian. Terima kasih.